



ایکاتن فنولیس سابه

IKATAN PENULIS SABAH

Sandakan, 17 Julai 2022

KENYATAAN AKHBAR

IPS MENGUMUMKAN KEJAYAAN JERAYAWARA SASTERA SANDAKAN 2022

Ikatan Penulis Sabah (IPS) berbesar hati mengumumkan kejayaan Jerayawara Sastera Sandakan 2022 yang telah dianjurkan di Sandakan pada 15 dan 16 Julai 2022. Sebanyak tiga buah program telah dilaksanakan sempena Jerayawara, iaitu Bengkel Penulisan Kreatif (Sekolah Rendah), Bengkel Penulisan Kreatif (Sekolah Menengah) dan Hadiah Sastera Islam Anak Muda Sabah 2022.

Di samping iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBP Sabah) dan IPS sebagai pelaksana bersama, Jerayawara turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada beberapa buah organisasi kerajaan dan bukan kerajaan di Sandakan. Bengkel Penulisan Kreatif (Sekolah Rendah) yang diadakan pada 15 Julai di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Anib 1 misalnya, diadakan dengan kerjasama sekolah itu sendiri sehingga memanfaatkan seramai 34 orang murid sekolah tersebut.

Bengkel Penulisan Kreatif (Sekolah Menengah) yang diadakan pada 16 Julai di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Libaran turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan dan sekolah itu sendiri. Lebih kurang 40 orang murid dari tiga buah sekolah menengah di Sandakan, iaitu SMK Libaran, SMK Elopura dan SMK Gum-Gum telah mendapat manfaat daripada ilmu dan kemahiran menulis cerpen, puisi dan drama yang disampaikan dalam Bengkel tersebut.

Empat orang pembimbing telah menjayakan kedua-dua siri Bengkel tersebut, iaitu Pengerusi, Majlis Penasihat IPS, Tuan Hj. Sukor Hj. Usin (Hasyuda Abadi) dan isteri, Puan Hj. Sahara Jais, Ketua Satu IPS, Ustaz Awang Abdul Muizz Awang Marusin dan Ketua Biro Sandakan IPS, Puan Junaidah Parudin (Azridah Abadi).

Hadiah Sastera Islam Anak Muda Sabah 2022 ("Hadiah Sastera") sempena Program Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam, Adab dan Nilai (PEMANIS), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPN Sabah) 2022 yang berlangsung juga pada 16 Julai di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Juhar turut mendapat kerjasama erat dan sokongan padu daripada penganjur utama PEMANIS, iaitu JPN Sabah menerusi Sektor Pendidikan Islam, serta Majlis Dakwah Negara, Negeri Sabah (MDN Sabah).

Di samping mencari dan mencungkil bakat-bakat penulisan dan persembahan karya sastera yang terpendam dalam kalangan murid-murid sekolah bawah JPN Sabah, Hadiah Sastera ini bermatlamat untuk mengiktiraf dan menghargai karya-karya sastera mereka yang telah mencapai mutunya yang tersendiri.

Seramai 24 orang peserta peringkat akhir PEMANIS, iaitu masing-masing 12 orang peserta bagi kategori Deklamasi Sajak Adab dan Nilai dan Dendangan Syair Adab dan Nilai telah bertanding bagi merebut empat buah hadiah utama di bawah Hadiah Sastera ini. Kesemua hadiah utama tersebut telah disampaikan sendiri oleh Pengarah DBP Sabah, Puan Aminah Hj. Awang Basar kepada para penerimanya.

IPS mengucapkan tahniah kepada semua yang telah berhasil menyertai Hadiah Sastera ini, terutamanya mereka yang berikut yang memenangi hadiah utama:

- Nurnazifah binti Majunting, SK Mawar, Sandakan (Sajak, Sekolah Rendah)
- Hana Syahira binti Abd. Aziz, SMK Arshad, Kota Belud (Sajak, Sekolah Menengah)
- Siti Nurwardatil Haudhah binti Masli, SK St. Monica, Sandakan (Syair, Sekolah Rendah)
- Muhammad Fikri bin Lamsudi, SMKA Mohamad Ali Ranau (Syair, Sekolah Menengah)

IPS turut mengucapkan tahniah kepada semua murid sekolah JPN Sabah yang menjuarai PEMANIS, terutamanya bagi kategori Deklamasi Sajak Adab dan Nilai dan Dendangan Syair Adab dan Nilai, dan menaruh harapan yang tinggi agar momentum dapat dikekalkan secara konsisten. IPS memberi sokongannya yang jitu kepada semua murid sekolah JPN Sabah yang mewakili negeri Sabah dalam pertandingan serupa di peringkat kebangsaan.

IPS turut menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DBP Sabah, JPN Sabah, PPD Sandakan, SK Sungai Anib 1, SMK Libaran, SMK Elopura, SMK Gum-Gum, SMKA Tun Juhar, MDN Sabah dan ramai lagi individu yang lain atas segala bentuk kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan Jerayawara ini dan melihat ke hadapan untuk meneruskan hubungan baik dua hala dan pelbagai hala bagi menjayakan misi mengembangkan bahasa, sastera dan budaya Melayu dan etnik tempatan di Sabah.

Bagi pihak
Ikatan Penulis Sabah



AWANG ABDUL MUIZZ BIN AWANG MARUSIN
Ketua Satu